

## **PEMBERITAHU JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PERPADUAN DAN KHIDMAT NEGARA**

1. Dewan Rakyat pada 14 Disember 2004 telah meluluskan penubuhan Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai Perpaduan dan Khidmat Negara bagi membincangkan isu-isu perpaduan kaum dan integrasi nasional serta yang berkaitan dengan program Latihan Khidmat Negara dan membuat syor-syor mengenainya. Jawatankuasa ini akan mengkaji dan mencadangkan pindaan atau perubahan terhadap dasar-dasar pembangunan sedia ada serta mengesyorkan dasar-dasar baru ke arah memelihara dan memperkukuhkan perpaduan dan integrasi nasional. Jawatankuasa berkenaan juga akan turut mengkaji dan meneliti Akta-akta yang berkaitan dengan program-program perpaduan negara, seperti Peraturan-peraturan Perlu (Rukun Tetangga) 1975 dan Akta Latihan Khidmat Negara 2003.

2. Jawatankuasa Pilihan Khas tersebut terdiri daripada Ahli-ahli Parlimen yang berikut:-



- (1) Y.B. Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili  
(Menteri di Jabatan Perdana Menteri) sebagai Pengerusi  
email: [ongkili@pmo.gov.my](mailto:ongkili@pmo.gov.my)



- (2) Y.B. Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar (Subang)  
email: [subang@bnbbc.org.my](mailto:subang@bnbbc.org.my)



- (3) Y.B. Dato' Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)  
email: [segambut@bnbbc.or.my](mailto:segambut@bnbbc.or.my)



- (4) Y.B. Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit)  
email: [kapit@bnbbc.org.my](mailto:kapit@bnbbc.org.my)



- (5) Y.B Wilfred Madius Tangau (Tuaran)  
email: [tuaran@bnbbc.org.my](mailto:tuaran@bnbbc.org.my)



- (6) Y.B Tuan Tiong Thai King (Lanang)  
email: [lanang@bnbbc.org.my](mailto:lanang@bnbbc.org.my)



- (7) Y.B. Datuk Hasan bin Malek (Kuala Pilah)  
email: [adlina\\_hh@hotmail.com](mailto:adlina_hh@hotmail.com)



- (8) Y.B. Tuan Ahmad Shabery bin Cheek (Kemaman)  
email: [kemaman@bnbbc.org.my](mailto:kemaman@bnbbc.org.my)



- (9) Y.B Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) email: [kelanajaya@bnbbc.org.my](mailto:kelanajaya@bnbbc.org.my)



- (10) Y.B Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)  
email: [mpbatugajah@yahoo.com](mailto:mpbatugajah@yahoo.com)



- (11) Y.B Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian)  
email: [saladinnaib@hotmail.com](mailto:saladinnaib@hotmail.com)

3. Ringkasan mengenai Perpaduan dan Program Khidmat Negara boleh diperolehi di **Urusetia Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Rakyat, Tingkat 6, Bangunan Parlimen Malaysia (PPKN)** [Telefon:03-20797489, Puan Roosme Hamzah / 03-20797199, En. Muhd Sujairi Abdullah] dan boleh diakses melalui laman web parlimen <http://www.parlimen.gov.my>.

4. Jawatankuasa Pilihan Khas ini ingin mempelawa Pertubuhan-pertubuhan, Persatuan-persatuan atau individu untuk mengemukakan cadangan-cadangan atau syor-syor mengenai perpaduan dan integrasi nasional serta Program Khidmat Negara. Sebarang cadangan hendaklah dikemukakan seberapa segera ke alamat seperti berikut:

**Setiausaha Jawatankuasa Pilihan Khas  
Mengenai Perpaduan dan Khidmat Negara  
Parlimen Malaysia, Bangunan Parlimen  
Jalan Parlimen  
50680 Kuala Lumpur.  
Faks: 03-26986170/ 20317972  
Email: [jkpilihan.ppkn@parlimen.gov.my](mailto:jkpilihan.ppkn@parlimen.gov.my)**

5. Jadual tarikh-tarikh Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas ini menemui wakil-wakil Pertubuhan-pertubuhan, Persatuan-persatuan dan individu adalah seperti berikut:

<u>Tarikh</u>	<u>Masa</u>	<u>Tempat</u>
29 dan 30 April 2005 (Jumaat dan Sabtu)	10.00 pagi	Bilik Jawatankuasa 2, Bangunan Parlimen, Kuala Lumpur
9 dan 10 Jun 2005 (Khamis dan Jumaat)	10.00 pagi	Dewan Undangan Negeri Sabah, Kota Kinabalu, Sabah
16 dan 17 Jun 2005 (Khamis dan Jumaat)	10.00 pagi	Dewan Undangan Negeri Sarawak, Kuching Sarawak
28 dan 29 Julai 2005) (Khamis dan Jumaat)	10.00 pagi	Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, Pulau Pinang
8 dan 9 Ogos 2005 (Isnin dan Selasa)	10.00 pagi	Dewan Undangan Negeri Kelantan, Kota Bharu Kelantan
8 dan 9 September 2005 (Khamis dan Jumaat)	10.00 pagi	Dewan Undangan Negeri Johor, Johor Bahru, Johor

**(Y.Bhg Dato' Abdullah bin Abdul Wahab)**  
Setiausaha Jawatankuasa Pilihan Khas  
Perpaduan dan Khidmat Negara  
Parlimen Malaysia.